

## **Sistem Pelupusan Al-Quran & Kitab Agama Lama (I-Care2u)**

### *Al-Quran & Old Religious Book Disposal System (I-Care2u)*

**Effa Nadzirah Nazri<sup>1</sup>, Munirah Mohd Yusof<sup>1\*</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Johor Malaysia

DOI: <https://doi.org/10.30880/aitcs.2023.04.02.046>

Received 22 June 2023; Accepted 08 November 2023; Available online 30 November 2023

**Abstrak:** Setiap tahun, Malaysia pasti akan dilanda fenomena alam seperti banjir terutama di kawasan pantai timur. Impak daripada bencana ini serba sedikit sudah semestinya menyumbang kepada kerosakan harta benda. Kerosakkan harta benda seperti perabot dan pakaian masih boleh di buang sahaja di tempat pelupusan sampah, namun barangan seperti Al-Quran dan kitab-kitab agama tidak boleh di buang dan dilupuskan dengan sesuka hati kerana mempunyai ayat-ayat suci Al-Quran. Pada masa kini, masih ada segelintir masyarakat yang tidak mengetahui lokasi dan cara untuk melupuskan Al-Quran atas faktor kekangan penyebaran maklumat. Berdasarkan dari permasalahan ini, maka terhasil lah sebuah Sistem Pelupusan Al-Quran dan Kitab Agama Lama (I-Care2U) bagi membantu pengguna mencari lokasi pusat serta mendedahkan pengguna berkenaan proses pelupusan Al-Quran dengan betul. Model metodologi yang dipilih dalam pembangunan projek ini ialah model *Agile*. Sistem ini di realisasikan dengan menggunakan Visual Studio Code dan pangkalan data jenis MySQL. Sistem ini akan menyimpan data permohonan, data pengguna, lokasi pusat pelupusan dengan lebih selamat tanpa sebarang kehilangan data. Pengguna juga dapat mengetahui maklumat pusat pelupusan dan lokasi pusat tersebut dengan lebih mudah. Diharapkan sistem ini berjaya dibangunkan dan dapat memberikan maklumat tentang pusat pelupusan serta proses pelupusan yang dilakukan dengan baik dan dalam masa yang sama dapat memberi manfaat.

**Kata kunci:** Banjir, Al-Quran, lokasi pusat, sistem pelupusan, Model *Agile*

**Abstract:** Every year, Malaysia will be hit by natural phenomena such as floods, especially in the east coast area. The impact of this disaster will certainly contribute to property damage. Damaged property such as furniture and clothes can still be thrown away at the landfill, but items such as the Al-Quran and religious books cannot be thrown away and disposed of at will because they contain the holy verses of the Al-Quran. Nowadays, there are still a few people who do not know the location and the way to spread the Al-Quran due to the spread of information. Based on this

---

\*Corresponding author: [munirah@uthm.edu.my](mailto:munirah@uthm.edu.my)

2023 UTHM Publisher. All rights reserved.

[publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs](http://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs)

*problem, an Al-Quran and Old Religious Book Disposal System (I-Care2U) was created to help users find the location of the center and expose users to the proper Al-Quran disposal process. The methodological model chosen in the development of this project is the Agile model. This system is realized by using Visual Studio Code and a MySQL type database. This system will save system data, user data, location of disposal center more safely without any data loss. Users can also find out information about the disposal center and the location of the center more easily. It is hoped that this system will be successfully developed and will be able to provide information about disposal centers and disposal processes that are done well and at the same time be beneficial.*

**Keywords:** Flood, Al-Quran, central location, disposal system, Agile Model

## 1. Pengenalan

Setiap tahun, Malaysia pasti akan dilanda fenomena alam seperti banjir terutama di kawasan pantai timur sebagai contohnya banjir di Kelantan, Terengganu, banjir Johor, banjir Kuala Lumpur, banjir Selangor dan banjir Pahang. Pekara ini berpunca daripada unsur cuaca yang bercirikan monsun yang akan menjejaskan negeri-negeri di pantai timur. Impak daripada bencana ini serba sedikit sudah semestinya menyumbang kepada kerosakan harta benda. Kerosakkan harta benda seperti perabot dan pakaian masih boleh di buang sahaja di tempat perlupusan sampah, namun barangan seperti Al-Quran dan kitab-kitab agama tidak boleh di buang dan dilupuskan dengan sesuka hati kerana mempunyai ayat-ayat suci Al-Quran.

Hal ini demikian kerana cara untuk melupuskan Al-Quran dan kitab-kitab lama yang telah rosak ini haruslah di lupuskan di tempat perlupusan Al-Quran yang telah di sahkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengikut Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986, seksyen 11 (1) Bahan Buangan daripada Pencetakan Teks Al-Quran atau Bahan Al-Quran [1]. Naskah- naskah Al-Quran yang telah di kumpul haruslah melepasi garis panduan dan prosedur perlupusan teks Al-Quran.

Masih ada segelintir masyarakat yang tidak mengetahui cara yang betul untuk melupuskan Al-Quran serta lokasi pusat perlupusan Al-Quran yang berada di Malaysia terutama masyarakat yang berada di kawasan luar bandar. Aktiviti-aktiviti pengumpulan Al-Quran dan kitab-kitab agama yang telah rosak juga sering kali tidak tersebar luas maklumatnya kepada masyarakat sekitar akibat daripada beberapa kekangan seperti masa serta akses maklumat.

I-Care2U ialah sebuah sistem perlupusan Al-Quran dan kitab- kitab agama yang mempunyai teks Al-Quran yang di bangunan bagi memberi pengetahuan berkenaan bagaimana cara untuk melupuskan Al-Quran yang sudah rosak dan lama. Sistem ini akan membantu pengguna untuk menunjukkan senarai pusat perlupusan Al-Quran dan lokasi pusat tersebut. Sistem ini juga memberi peluang kepada para sukarelawan yang berminat untuk membantu pengguna bagi membawa Al-Quran dan kitab-kitab tersebut untuk di lupuskan ke pusatnya

Bab ini mengandungi enam bahagian utama yang dimana mempunyai penerangan yang lebih lengkap. Bahagian 1 menerangkan tentang latar belakang projek, manakala Bahagian 2 memberikan hasil dari kajian literatur. Bahagian 3 menunjukkan metodologi kajian dan Bahagian 4 menjelaskan hasil perbincangan daripada fasa pelaksanaan dan juga proses pengujian sistem. Bahagian 5 menjelaskan kesimpulan hasil dari pembangunan projek.

## 2. Kajian Literatur

Pusat pelupusan Al-Quran telah banyak di bangunan di sesetengah negeri, namun kewujudan lokasi pusat perlupusan ini tidak tersebar maklumatnya kepada sesetengah masyarakat terutama di kawasan luar bandar. Masjid Sultan Ibrahim Bandar Maharani, Muar menjadi salah satu pusat pelupusan Al-Quran bagi daerah Muar. Pusat ini kendalikan oleh Unit Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor daerah Muar. Hasil dari temubual Bersama Encik Kamarul dari Unit Penyelidikan Jabatan Agama Islam Johor daerah Muar, beliau berkata bahawa pembangunan pusat diwujudkan hasil daripada idea Tuan Kadi Daerah Muar iaitu As Sheikh Haji Dzulkifli bin Mohamad. Di pusat ini terdapat dua (2) kaedah perlupusan yang

dilakukan iaitu tanam dan buang ke laut. Naskah Al-Quran dan kitab agama lama yang di terima akan di timbang beratnya mengikut Kilogram (kg) iaitu bayaran sebanyak 5 Ringgit Malaysia akan di kenakan bagi setiap satu kilogram (kg) naskah yang di hantar. Naskah-naskah yang di terima akan di kumpulkan dahulu sebelum di racik menggunakan mesin racik. Hasil racikan yang terkumpul akan di bakar sehingga menjadi abu. Abu tersebut akan di sejukkan dahulu sebelum di tuang ke dalam bekas khas untuk diuli menggunakan mesin uli dengan campuran sedikit air sehingga menjadi seperti bancuhan simen. Setelah selesai, bancuhan di letakkan di dalam bekas kecil sehingga mengeras seperti batu. Bata yang telah siap akan di kumpul dahulu sebelum di bawa ke bot atau kapal untuk di buang ke dasar laut dengan menggunakan kaedah meletak bukan mencampak bata tersebut.

Hasil dapatan daripada sesi temu bual ini juga, Encik Kamarul menyatakan terdapat banyak cabaran yang di kongsi iaitu seperti kekurangan tenaga kerja bagi mengumpul naskah Al-Quran dan kitab lama, penyimpanan data dan maklumat pengumpulan Al-Quran yang masih menggunakan kertas dan fail, serta penjadualan pengutipan naskah yang tidak sistematik sehingga mengakibatkan penimbunan Al-Quran di pusat perlupusan. Selain itu, program pengumpulan Al-Quran ini tidak sampai maklumatnya secara meluas ke masyarakat sekitar. Pihak pengurusan pusat menyatakan jika adanya sukarelawan yang ingin membantu pasti proses pengutipan Al-Quran akan dapat di jalankan dengan lebih lancar. Oleh itu, sebuah sistem pelupusan Al-Quran dan kitab agama lama (I-Care2U) dibangunkan bagi mengatasi permasalahan yang terjadi ini.

## 2.1 Sistem Berasaskan Web

Sistem berasaskan web ialah persekitaran boleh aturcara yang dimana membolehkan penyesuaian secara besar-besaran melalui pembangunan aplikasi di luar kotak. Laman web moden mempunyai dua komponen penting iaitu web yang fleksibel, navigasi pelayar web dan aplikasi web. Pelayar web ialah perisian yang memudahkan pengguna menyimpan data penting dalam pangkalan data yang selamat. Sistem ini menggunakan teknologi web seperti HTML, CSS, dan JavaScript untuk menghantar, menerima, dan memproses maklumat antara pengguna dan pelayan. [2]

Sistem berlandaskan web boleh diakses dari pelbagai peranti seperti komputer, laptop, tablet, atau telefon pintar yang disambungkan ke internet. Selain itu, ia dikaitkan dengan kandungan yang terdapat di laman web. Sistem berasaskan web bertanggungjawab untuk menghantar dan menyimpan data daripada mana-mana pangkalan data melalui Internet menggunakan pelayar web. Hal ini menawarkan pengguna kelebihan untuk menyimpan data dalam sistem berasaskan web dan boleh memastikan data pengguna yang dimasukkan dilindungi daripada kehilangan data

## 2.2 Perbandingan Sistem Sedia Ada

Kajian dan penganalisan data terhadap sistem atau projek sedia ada atau setara amat berguna untuk di jadikan sebagai rujukan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat serta gambaran awal berkenaan komponen yang perlu di wujudkan bagi memenuhi keperluan projek. Di bahagian ini terdapat tiga sistem yang dijadikan sebagai rujukan dan penyelidikan iaitu *RecycleNow* [3], *Earth911* [4] dan *UTM College Parcel Services* [5].

Hasil dari perbandingan yang telah dilaksanakan, didapati beberapa kekurangan di dalam sistem sedia ada. Diantara kekurangan yang dapat dikesan adalah ada sistem yang tidak mempunyai bahagian pendaftaran dan log masuk pengguna, permohonan kutipan pelupusan, status pengutipan, penjaanaan laporan, pengesahan permohonan lupus, dan modul pengguna. Hal ini kerana sistem tersebut hanya di bangunkan untuk memberi maklumat asas berkenaan perlupusan sahaja tanpa menyediakan akses dan pengurusan terhadap perlupusan tersebut. Bahagian manual pengguna berkenaan cara bagaimana menggunakan sistem rata-ratanya tiada. Ini membuatkan pengguna baru akan mengalami kesukaran untuk menggunakan sistem yang di bangunkan tersebut. Oleh itu, di sistem I-Care2U dibina bahagian manual pengguna bagi memudahkan pengguna untuk merujuk cara menggunakan sistem.

**Jadual 1: Perbandingan sistem sedia ada dan Sistem Pelupusan AI-Quran dan Kitab Agama Lama (I-Care2U)**

Ciri-ciri sistem	RecycleNow	Earth911	UTMCPS (UTM College Parcel Services)	Sistem Pelupusan AI-Quran dan Kitab Lama (I- Care2U)
Teknologi	Sistem berasaskan web	Sistem berasaskan web	Sistem berasaskan web	Sistem berasaskan web
Pendaftaran dan log masuk	X	X	√	√
Kemaskini maklumat	X	X	√	√
Halaman maklumat	√	√	√	√
Halaman Pencarian	√	√	√	√
Permohonan Pengutipan	X	X	√	√
Status Pengutipan	X	X	√	√
Penjanaan Laporan	X	X	√	√
Pengesahan Permohonan	X	X	√	√
Notifikasi	X	X	√	√
Maklumat Pusat	√	√	X	√
Modul Pengurusan Maklumat	X	X	√	√
Jadual Pengutipan	X	X	X	√

### 3. Metodologi

Metodologi kajian yang di gunakan dalam projek ini adalah model metodologi *Agile*. Metodologi ini satu cara untuk menguruskan projek dengan memecahkannya kepada beberapa fasa. Metodologi ini melibatkan kerjasama berterusan dengan pihak berkepentingan (pengguna) dan penambahbaikan berterusan pada setiap peringkat. Kelebihan yang dapat di ketengahkan jika projek ini menggunakan model metodologi ini ialah pemahaman terhadap semua keperluan projek dapat di nyatakan dan di kaji dengan lebih lengkap serta status projek juga akan lebih mudah diukur berdasarkan jadual dan pelan sumber yang lengkap. Selain daripada itu jika terdapat perubahan dan permasalahan, perkara tersebut akan mudah untuk diatasi.

#### 3.1 Aliran Kerja Pembangunan Projek

Terdapat enam fasa daripada model *Agile* yang telah dipilih. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, setiap fasa mempunyai tugas dan dapatan tersendiri yang perlu dihasilkan semasa proses pembangunan projek. Selain itu, setiap aktiviti perlu di selesaikan mengikut tempoh masa ditetapkan.

**Jadual 2: Aktiviti Fasa-Fasa Pembangunan Projek**

Fasa	Aktiviti	Dapatan
Perancangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenal pasti masalah.</li> <li>• Permerhatian visual di lokasi penelitian.</li> <li>• Pengumpulan data.</li> <li>• Membuat kertas cadangan.</li> <li>• Mendapatkan persetujuan projek.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kertas Cadangan Projek</li> <li>• Gantt Chart</li> </ul>


Analisis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kumpul &amp; analisis fakta.</li> <li>• Analisis skop pengguna.</li> <li>• Analisis keperluan projek.</li> <li>• Analisis kos dan tempoh masa.</li> <li>• Analisis strategi pengujian.</li> <li>• Kajian semula projek sedia ada/serupa.</li> <li>• Analisis bentuk pangkalan data.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tinjauan &amp; Temuduga</li> <li>• Keperluan Perisian &amp; Perkakasan.</li> <li>• Model Metodologi: <i>Agile</i>.</li> <li>• ERD &amp; DFD</li> </ul>
Reka Bentuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Reka bentuk aplikasi</li> <li>• Mereka bentuk modul.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekabentuk pangkalan data.</li> <li>• Rekabentuk antaramuka.</li> </ul>
Perlaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengkodan aplikasi.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangun antaramuka.</li> <li>• Membangun kod aplikasi.</li> </ul>
Pengujian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengujian Aplikasi.</li> <li>• Pengujian oleh Pengguna.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rancangan pengujian dan kes.</li> <li>• Dokumentasi maklum balas daripada pengguna.</li> </ul>
Selenggara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengumpulan senarai ralat</li> <li>• Pengendalian ralat dan penyahpajian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklum balas aplikasi.</li> <li>• Kemaskini aplikasi</li> </ul>

### 3.2 Analisis dan Rekabentuk Sistem

Analisis keperluan projek adalah proses bagi menentukan hasil jangkaan pengguna yang diinginkan dan di cadangkan. Hasil maklumat temubual bersama pihak pengurusan pusat pelupusan akan di analisis dan di proses dalam bahagian ini. Proses yang terlibat ialah Rajah Aliran Data (DFD) dan Rajah Hubungan Entiti (ERD).

### 3.3 Rajah Konteks

Gambar rajah konteks menggariskan cara bagaimana entiti luaran berinteraksi dengan sistem perisian dalaman. Rajah konteks ini digunakan bagi membantu untuk memikirkan dan merancang skop sistem. Gambar rajah konteks ialah gambar rajah peringkat tinggi, bermakna ia tidak masuk ke dalam selok-belok terperinci sistem. Sebaliknya, hanya memetakan keseluruhan sistem dengan cara yang mudah, jelas dan mudah difahami [6]. Rajah 1 menunjukkan rajah konteks bagi Sistem Pelupusan Al-Quran dan Kitab Agama Lama. Entiti luaran bagi sistem ini adalah pentadbir, pusat, sukarelawan dan pengguna.



Rajah 1: Rajah Konteks

### 3.4 Rajah Aliran Data Aras Sifar

DFD Aras Sifar, juga dikenali sebagai rajah konteks, ialah rajah aliran data yang paling asas. DFD aras sifar ini memberikan pandangan luas yang mudah dihadap tetapi menawarkan sedikit perincian. Rajah DFD aras sifar ini menunjukkan satu nod proses dan sambungannya kepada entiti luaran. Lampiran A menunjukkan aliran proses, entiti dan pangkalan data yang terlibat. Proses-proses yang berada di dalam rajah DFD aras sifar ini ialah daftar pengguna, log masuk, pengurusan permohonan lupus, pengurusan jadual pengutipan, pengurusan permohonan sukarelawan, pengurusan maklumat pusat, sebar hebahan dan penjanaan laporan. Lampiran A merupakan rajah aliran data aras sifar bagi Sistem Pelupusan Al-Quran dan Kitab Agama Lama (I-Care2U).

### 3.5 Rajah hubungan Entiti

Rajah Rajah Hubungan Entiti (ERD) ialah sejenis carta alir yang menggambarkan bagaimana "entiti" seperti orang, objek atau konsep berkaitan antara satu sama lain dalam sistem. Diagram ER paling kerap digunakan untuk mereka bentuk atau menyahpijatan pangkalan data hubungan dalam bidang penyelidikan. Lampiran B ialah gambarajah hubungan entiti sistem I-Care2U.


### 3.6 Rekabentuk Antaramuka

Rajah 2 merupakan rekabentuk antara muka sistem bagi halaman utama log masuk. Halaman ini adalah halaman pertama yang akan di jumpai oleh pengguna apabila membuka sistem. Di halaman ini, pengguna harus memilih mode penggunaannya sama ada pengguna umum, pentadbir, sukarelawan atau pusat. Dalam projek ini terdapat empat jenis mod pengguna iaitu pentadbir, pusat pelupusan Al-Quran, pengguna biasa dan sukarelawan.




**Rajah 2: Antaramuka Halaman Utama Log Masuk**

Setelah pengguna menekan butang mod pengguna, halaman log masuk akan dipapar. Jika pengguna telah berdaftar di dalam sistem, pengguna hanya perlu memasukkan maklumat emel pengguna dan katalaluan yang telah berdaftar. Jika pengguna tersebut ialah pengguna baharu, pengguna tersebut perlu untuk mendaftar terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk log masuk ke dalam sistem. Proses dan rekabentuk antara muka log masuk ini sama seperti log masuk bagi bahagian pentadbir, pusat dan sukarelawan. Seterusnya apabila proses log masuk berjaya, pengguna akan di bawa ke bahagian halaman utama sistem. Rajah 3 merupakan rekabentuk halaman utama sistem. Di halaman utama sistem, pengguna boleh membuat carian pusat yang mereka inginkan. Pada halaman ini juga pengguna dapat melihat aktiviti terkini dan hebahan yang di buat oleh pusat pelupusan yang telah berdaftar di bawah aplikasi.



**Rajah 3: Antaramuka Halaman Utama Sistem (Pengguna)**

Rajah 4 merupakan halaman utama bagi pentadbir dan pusat pelupusan. Di dalam halaman utama sistem ini terdapat beberapa maklumat seperti jumlah permohonan baharu, jumlah sejarah permohonan, jumlah berat lupus serta graf bilangan permohonan lupus mengikut bulan. Di sebelah kiri sistem terdapat *drop down* menu yang telah di wujudkan. Setiap *drop down* tersebut akan membawa pengguna ke halaman yang berbeza berdasarkan fungsi yang tertulis.



**Rajah 4: Halaman Utama Sistem (Pentadbir dan Pusat)**

#### 4. Hasil dan Perbincangan

Dalam bahagian ini, akan menjelaskan berkenaan hasil pelaksanaan projek serta proses pengujian dan kebolehgunaan sistem. Proses-proses ini dilakukan bagi memastikan proses pembangunan projek berjalan dengan lancar serta mengurangkan potensi ralat yang akan berlaku di masa akan datang.


##### 4.1 Pelaksanaan Sistem.

Pelaksanaan modul merujuk kepada proses pembangunan dan penyepaduan modul atau komponen individu bagi sistem atau aplikasi perisian yang lebih besar. Dalam pembangunan perisian, modul ialah unit kod serba lengkap yang melaksanakan fungsi tertentu atau menyediakan ciri tertentu. Terdapat beberapa modul yang dilaksanakan iaitu modul pendaftaran pengguna, modul pusat pelupusan, modul

pembayaran, modul pengurusan maklumat, modul penjaanaan laporan, dan modul penjaanaan jadual pengutipan.

#### 4.1.1 Modul pendaftaran pengguna

Fungsi modul log masuk biasanya merujuk kepada komponen atau sistem perisian yang mengendalikan proses pengesahan dan kebenaran untuk log masuk pengguna. Modul ini menyediakan fungsi yang diperlukan untuk mengesahkan identiti pengguna dan memberikan mereka akses kepada sistem atau aplikasi. Rajah 5 merupakan halaman utama bagi membolehkan pengguna sistem yang terdiri daripada pentadbir dan pihak pengurusan pusat pelupusan Al-Quran untuk log masuk ke dalam sistem. Pada bahagian ini, pengguna akan di minta untuk memasukkan katalaluan dan nama pengguna bagi proses pengesahan pengecaman.



**Rajah 5: Halaman Log Masuk Pentadbir dan Pusat**

Setelah pengguna memasukkan nama pengguna dan katalaluan, proses pengesahan akan dilakukan. Rajah 6 merupakan kod pengaturcaraan bagi proses pengesahan pengguna. Sistem akan mengesahkan adakan pengguna wujud di dalam pangkalan data sistem ataupun tidak. Segala maklumat berkenaan pengguna tersebut akan di simpan di \$\_SESSION iaitu berfungsi untuk menyimpan dan mendapatkan semula data sesi. Pengecam ini sering digunakan untuk menjejaki aktiviti pengguna dan mengekalkan status pengesahan mereka sepanjang sesi pengguna.

```

$result = mysqli_query($conn, "SELECT * FROM pentadbir WHERE nama_pengguna = '" .
    $nama_pengguna . "' and katalaluan = '" . $katalaluan . "'");

if (mysqli_num_rows($result) > 0)
{
    $row = mysqli_fetch_array($result);
    session_start();

    $_SESSION['nama_pengguna']=strtoupper($row['nama_pengguna']);
    $_SESSION['nama_pentadbir']=$row['nama_pentadbir'];
    $_SESSION['no_tel_pentadbir']=$row['no_tel_pentadbir'];
    $_SESSION['email_pentadbir']=$row['email_pentadbir'];
    $_SESSION['katalaluan']=$row['katalaluan'];
    $_SESSION['menu']=$row['menu'];










    if($_SESSION['menu']=='ADMIN'){
        header("location:admin/dashboardAdmin.php");
    }
}

```

**Rajah 6: Kod Pengaturcaraan Pengesahan Pengguna.**

#### 4.1.2 Modul pusat pelupusan

Dalam bahagian modul ini akan menjalankan fungsi bagi pengurusan pusat pelupusan Al-Quran yang berdaftar di bawah I-Care2U. Modul ini mempunyai beberapa fungsi utama iaitu menyenaraikan maklumat pusat, pengurusan pengaktifan dan penyahaktifan pusat. Pengaktifan dan penyahaktifan pusat ini akan di kendali oleh pentadbir. Pentadbir boleh menyahaktifkan sesebuah pusat pelupusan yang berdaftar jika terdapat sebarang masalah seperti pusat tersebut tidak menjalankan aktiviti pelupusan lagi. Rajah 7 merupakan halaman sistem yang menyenaraikan senarai pusat yang berstatus aktif. Dalam bahagian ini terdapat beberapa fungsi seperti melihat maklumat pusat, memadam maklumat pusat serta mengaktif atau menyahaktifkan pusat.

Bil	Nama Pusat	Kod Pusat	Alamat Pusat	Status Pusat	Tindakan
1	Pusat Pelupusan Al-Quran Muar	J001	Jalan Petri, Taman Sri Tanjung	Aktif	  
2	Pusat Perkhidmatan Pelupusan Ayat Suci Al-Quran, Cheras	S001	lot 6213, kampung batu 10	Aktif	  
3	Pusat Perkhidmatan Pelupusan Ayat Suci Al-Quran, Rawang.	S002	52, Jalan Seroja 5d/3, Taman Seroja	Aktif	  

**Rajah 7: Halaman Pusat Pelupusan Berstatus Aktif**

Rajah 8 ialah kod pengaturcaraan bagi proses untuk menyahaktifkan status pusat kepada aktif ke tidak aktif. Dalam bahagian kod ini, proses mengemaskini rekod pangkalan data menggunakan nilai 'id\_pusat' yang diperolehi daripada parameter *GET*. Kod ini menyediakan kenyataan SQL untuk mengemaskini medan 'status\_pusat' kepada 'Tidak Aktif' dalam jadual 'pusat' jika 'id\_pusat' sepadan dengan nilai yang diberikan.

```

$id_pusat = $_GET['id_pusat'];

$sql = "UPDATE pusat SET status_pusat = 'Tidak Aktif' WHERE id_pusat =?";
$stmt = $conn->prepare($sql);
$stmt->bind_param("s", $id_pusat);
$stmt->execute();
    
```

**Rajah 8: Kod pengaturcaraan penukaran status pusat.**

#### 4.1.3 Modul pembayaran

Mengikut proses pelupusan Al-Quran yang berada di Malaysia ini, majoriti pusat pelupusan Al-Quran akan mengenakan bayaran terhadap setiap setiap 1 Kilogram (Kg) bahan pelupusan yang di hantar oleh pelanggannya. Oleh itu modul pembayaran ini di wujudkan bagi membolehkan pengguna untuk membuat pembayaran serta muat naik resit pembayaran bagi cas perkhidmatan yang di kenakan. Rajah 9 merupakan halaman bagi pengguna mengisi maklumat permohonan lupus beserta memuat naik slip pembayaran.

### Borang Permohonan Pelupusan

<input type="text" value="Nama Pengguna: Effa Nadzirah Nazri"/>	<input type="text" value="Emel Pengguna: effanadzirah1@gmail.com"/>
<input type="text" value="Tarikh Mohon: 16/06/2023"/>	<input type="text" value="Masa Mohon: 08:06 PM"/>
<input type="text" value="Jumlah Berat(Kg): 1"/>	<input type="text" value="Cas Perkhidmatan (RM): 5.00"/>
<input type="text" value="Slip Bayaran: Choose File"/>	<input type="text" value="Nama Pusat: Pusat Pelupusan Al-Quran Muar"/>
<input type="text" value="Kaedah Penghantaran: Kutip"/>	<input type="text" value="Nama Pos Pengutipan: Balai Raya Bukit Bakri"/>

**Rajah 9: Borang Permohonan Pelupusan.**

Sistem akan mengira cas perkhidmatan yang dikenakan apabila pengguna memasukkan jumlah berat Al-Quran atau bahan pelupusan yang mengandungi ayat suci Al-Quran yang ingin mereka hantar bagi dilupuskan. Rajah 10 ialah kod pengaturcaraan ‘*Javascript*’ bagaimana sistem mengira cas perkhidmatan yang pengguna perlu bayar. Hasil pengiraan akan dipaparkan dengan 2 titik perpuluhan.

```

<script>
  document.getElementById('jumlah_berat').addEventListener('input', function() {
    var weight = parseFloat(this.value);
    var serviceCharge = weight * 5; // Set RM5/kg
    document.getElementById('cas_perkhidmatan').value= serviceCharge.toFixed(2);
  });
</script>
    
```

**Rajah 10: Kod Pengaturcaraan Pengiraan Cas Perkhidmatan**

#### 4.1.4 Modul pengurusan maklumat

Modul pengurusan maklumat mempunyai fungsi untuk mengurus segala maklumat yang berada di dalam sistem. Antara maklumat yang di uruskan dalam modul ini adalah pengurusan maklumat permohonan pusat pelupusan, permohonan pos lupus dan pengurusan maklumat dan aktiviti pusat pelupusan. Rajah 11 ialah halaman bagi senarai permohonan pusat yang ingin berdaftar di bawah I-Care2U. Pada halaman ini pentadbir akan melihat senarai permohonan pusat serta membolehkan pentadbir untuk membuat pilihan sama ada ingin meluluskan permohonan tersebut atau pun tidak.

Senarai Permohonan Pendaftaran Pusat						
ID Pusat	Nama Pusat	Kod Pusat	Alamat	Daerah	Emel	Tindakan
1	Pusat Pelupusan Al-Quran Muar	J001	Jalan Petri, Taman Sri Tanjung	Muar	nadrys2912@gmail.com	<input checked="" type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
2	Pusat Perkhidmatan Pelupusan Ayat Suci Al-Quran, Cheras	S001	lot 6213, kampung batu 10	Cheras	nadrys2912@gmail.com	<input checked="" type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3	Pusat Perkhidmatan Pelupusan Ayat Suci Al-Quran, Rawang.	S002	52, Jalan Seroja 5d/3, Taman Seroja	Rawang	nadrys2912@gmail.com	<input checked="" type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>

**Rajah 11: Halaman Pemohonan Pusat**

Jika pentadbir meluluskan atau menolak permohonan pusat tersebut, emel pemberitahuan akan diberikan kepada pusat yang memohon bagi mengetahui maklum balas berkenaan permohonan yang di buat. Rajah 12 ialah kod pengaturcaraan bagi proses menghantar emel pengesahan kepada pemohon berkenaan status permohonan mereka sama ada berjaya atau gagal. Dalam rajah ini maklumat permohonan tersebut akan disertakan iaitu seperti berat pelupusan, nama pos pengutipan, masa dan tarikh mohon.


```

$mail->isSMTP;
$mail->Subject = 'Permohonan Perlupusan Diterima';
    $mail->Body = '<p>Tuan/Puan <strong>'. $nama_pengguna . '</strong>,</p>';
    $mail->Body .= '<p>Kami dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa permohonan
pelupusan yang Tuan/Puan ajukan telah diterima. Kami telah menjalankan penilaian menyeluruh
terhadap butiran yang Tuan/Puan sertakan. Dengan ini, kami ingin mengucapkan terima kasih atas
kepercayaan Tuan/Puan dalam menggunakan perkhidmatan kami.</p>';
$mail->Body .= '<p><strong>Butiran Permohonan:</strong>';
$mail->Body .= '<strong>Nama Pusat:</strong> ' . . $nama_pusat . ' ';
$mail->Body .= '<strong>Jumlah Berat:</strong> ' . . $jumlah_berat . ' ';
$mail->Body .= '<strong>Nama Pos Pengutipan:</strong> ' . . $nama_posLupus . ' ';
$mail->Body .= '<strong>Tarikh Mohon:</strong> ' . . date ('d/m/y', strtotime($tarikh_mohon)) .
';
$mail->Body .= '<strong>Masa Mohon:</strong> ' . . date ('h:i A', strtotime($masa_mohon)) . '
<br></p>';
    
```

**Rajah 12: Kod Pengaturcaraan Bagi Emel Pengesahan Permohonan**

4.1.5 Modul penjanaan laporan

Modul penjanaan laporan berfungsi untuk menjana laporan bagi maklumat yang disimpan di dalam pangkalan data. Data-data yang di simpan di dalam pangkalan data seperti maklumat permohonan, maklumat pusat, berat Al-Quran yang dilupuskan mengikut bulan dan tahun. Rajah 13 ialah graf palang yang di gunakan untuk membuat laporan berkenaan jumlah berat Al-Quran yang dilupuskan mengikut bulan. Data berat daripada pangkalan data telah di kira mengikut bulan dan di tafsirkan kedalam bentuk graf. Dengan mentafsirkan jumlah berat lupus mengikut bulan, pengguna dapat melihat perbezaan dan memerhatikan jumlah berat lupus dari bulan ke bulan. Graf ini boleh di muat turun serta di simpan dalam bentuk gambar.



**Rajah 13: Graf Laporan Jumlah Berat Pelupusan.**

Rajah 14 ialah contoh salah satu kod pengaturcaraan bagi prose pengiraan berat lupus mengikut bulan. Data berat lupus di ambil di dalam pangkalan data sistem I-Care2u. Proses yang perlu dilakukan adalah mengira dahulu jumlah berat lupus mengikut bulan, dan kemudian hasil pengiraan mengikut bulan di tafsirkan ke dalam bentuk graf.

```

$sql="SELECT YEAR(tarikh_mohon),COUNT(jumlah_berat) AS bil_janL , SUM(jumlah_berat) AS
jumlah_beratJan FROM `permohonan_lupus` WHERE MONTH(tarikh_mohon)=1 AND
status_permohonan='Selesai'";
$rs = mysqli_query($conn,$sql);
$rows = mysqli_fetch_array($rs);
$jumlah_beratJan=$rows['jumlah_beratJan']+0;
    
```

**Rajah 14: Kos Pengaturcaraan Pengiraan Jumlah Berat.**

#### 4.1.6 Modul penjanaan jadual pengutipan.

Dalam modul ini berfungsi untuk menjana jadual pengutipan Al-Quran yang telah di hantar oleh pemohonan untuk dikutip. Terdapat permohon yang memerlukan khidmat sukarelawan untuk mengutip Al-Quran yang ingin mereka hantar ke pusat pelupusan namun jauh, oleh itu si permohon boleh menghantar ke pos pengutipan yang terdekat. Jadual pengutipan akan di lakukan oleh pihak pengurusan pusat pelupusan dengan memasukkan maklumat seperti tarikh jadual dijana, masa pengutipan, tarikh pengutipan, nama tiga orang sukarelawan serta nama pos pengutipan. Rajah 15 merupakan halaman bagi platform untuk menjana jadual pengutipan.

**Rajah 15: Halaman Janaan Jadual Pengutipan**

Hasil daripada maklumat jadual yang telah di jana akan di paparkan di dalam bentuk jadual seperti di rajah 16. Dalam halaman ini, pengguna akan dapat melihat jadual yang telah di jana dengan memaparkan maklumat asas jadual pengutipan seperti tarikh jadual di jana, nama sukarelawan yang terlibat, masa dan tarikh kutip serta lokasi pengutipan. Terdapat 2 pilihan yang boleh di buat sama ada pengguna boleh mengemaskini jadual atau memadam data jadual tersebut. Jadual pengutipan ini juga akan dapat di lihat di bahagian sukarelawan.

Jadual pengutipan:

Carian berdasarkan nama

**Cari**

ID	Tarikh	Nama Sukarelawan	Masa kutip	Tarikh kutip	Lokasi	Action
24	2023-06-14	Ahmad Rizak Humaira Azzahra Kamarul Bin Ruhai	09:00:00	2023-06-15	Balai Raya Bakri	[Edit] [Hapus]
25	2023-06-15	Razak Ali Humaira Azzahra Kamarul Bin Ruhai	11:00:00	2023-06-22	Pos Lupus Bukit Pasir	[Edit] [Hapus]

**Rajah 16: Senarai Jadual Pengutipan.**

#### 4.2 Pengujian Kebolehfungsian Sistem.

Pengujian kebolehfungsian sistem adalah jenis ujian perisian yang bertujuan untuk memastikan sistem memenuhi keperluan fungsi yang ditentukan. Ujian ini dilakukan menggunakan teknik kotak hitam, di mana penguji tidak perlu mengetahui cara kerja dalaman sistem. Matlamat pengujian ini adalah memastikan sistem dapat melaksanakan tugas yang diperlukan dengan betul dan konsisten. Aspek yang diuji meliputi antara muka pengguna, pemprosesan input data, hasil output, dan penanganan ralat. Antara lain, penguji akan memeriksa kesesuaian antara muka pengguna dengan keperluan pengguna, memastikan sistem memproses berbagai jenis data dengan betul, serta menghasilkan output yang tepat dan konsisten. Penguji juga akan memeriksa bagaimana sistem mengendalikan ralat secara profesional,

seperti menampilkan mesej ralat atau menyediakan alternatif kepada pengguna.

Proses pengujian ini dilakukan mengikut modul-modul yang berada di dalam sistem seperti modul pendaftaran pengguna, modul pusat pelupusan, modul pembayaran, modul penjana laporan, dan modul penjana jadual pengutipan. Jadual 3 menunjukkan jadual pengujian kebolehfungsian sistem di dalam setiap bahagian modul.

**Jadual 3: Pengujian Kebolehfungsian Sistem**

Bil	Kebolehfungsian	Jangkaan Hasil	Hasil Pengujian
<b>Modul Pendaftaran Pengguna (Log Masuk)</b>			
1.	Pengguna membuat pendaftaran akaun.	Pengguna berjaya membuat pendaftaran akaun.	BERJAYA
2.	Pengguna boleh log masuk dengan cara memasukkan id pengguna dan katalaluan.	Pengguna berjaya log masuk sistem.	BERJAYA
3.	Sukarelawan boleh log masuk dengan cara memasukkan id pengguna dan katalaluan.	Sukarelawan berjaya log masuk sistem.	BERJAYA
4.	Pentadbir boleh log masuk dengan cara memasukkan id pengguna dan katalaluan.	Pentadbir berjaya log masuk sistem.	BERJAYA
5.	Pusat boleh log masuk dengan cara memasukkan id pengguna dan katalaluan.	Pusat berjaya log masuk sistem.	BERJAYA
<b>Modul Pusat Pelupusan</b>			
1.	Pengguna boleh membuat carian pusat pelupusan yang berdaftar.	Pengguna berjaya membuat carian pusat.	BERJAYA
2.	Pengguna boleh melihat aktiviti pusat pelupusan yang terkini.	Pengguna berjaya melihat aktiviti pusat.	BERJAYA
3.	Pentadbir dapat melihat permohonan dan senarai pusat pelupusan.	Pentadbir berjaya melihat permohonan dan senarai pusat.	BERJAYA
4.	Pentadbir boleh kemaskini, padam, simpan, lihat maklumat pusat.	Pentadbir berjaya kemaskini, padam, simpan, lihat maklumat pusat.	BERJAYA
5.	Pusat boleh kemaskini, padam, simpan, lihat maklumat pusat..	Pusat kemaskini, padam, simpan, lihat maklumat pusat.	BERJAYA
6.	Pusat boleh menambah dan menyebarkan maklumat aktiviti yang dianjurkan.	Pusat berjaya menambah dan menyebarkan maklumat aktiviti.	BERJAYA
<b>Modul Pembayaran</b>			
1.	Pengguna boleh muat naik slip pembayaran di boring permohonan.	Pengguna berjaya muat naik slip pembayaran.	BERJAYA
2.	Pusat boleh melihat slip pembayaran yang di sertakan oleh pengguna.	Pusat berjaya melihat slip pembayaran.	BERJAYA
<b>Modul Pengurusan Maklumat</b>			
1.	Pengguna boleh mengemaskini maklumat profil.	Pengguna berjaya mengemaskini maklumat profil.	BERJAYA
2.	Sukarelawan boleh mengemaskini maklumat profil.	Sukarelawan berjaya mengemaskini maklumat profil.	BERJAYA
3.	Pentadbir boleh mengemaskini maklumat profil.	Pentadbir berjaya mengemaskini maklumat profil.	BERJAYA
4.	Pentadbir boleh meluluskan atau tidak meluluskan permohonan pusat.	Pentadbir berjaya meluluskan atau tidak meluluskan permohonan.	BERJAYA
5.	Pusat boleh mengemaskini maklumat profil.	Pusat berjaya mengemaskini maklumat profil.	BERJAYA
6.	Pusat boleh meluluskan atau tidak meluluskan permohonan pelupusan	Pusat berjaya meluluskan atau tidak meluluskan permohonan.	BERJAYA

<b>Bil</b>	<b>Kebolehfungsian</b>	<b>Jangkaan Hasil</b>	<b>Hasil Pengujian</b>
7.	Pusat boleh meluluskan atau tidak meluluskan permohonan sukarelawan.	Pusat berjaya meluluskan atau tidak meluluskan permohonan.	BERJAYA
<b>Modul Penjanaan Jadual Pengutipan</b>			
1.	Pusat boleh menjana jadual pengutipan.	Pusat berjaya menjana jadual pengutipan.	BERJAYA
2.	Sukarelawan boleh melihat jadual pengutipan.	Sukarelawan berjaya melihat jadual pengutipan.	BERJAYA
3.	Sukarelawan boleh menolak atau menerima untuk bertugas seperti yang dijadualkan.	Sukarelawan berjaya menolak atau menerima untuk bertugas seperti dijadualkan.	BERJAYA
<b>Modul Penjanaan Laporan</b>			
1.	Pentadbir boleh melihat dan muat turun laporan pelupusan.	Pentadbir berjaya melihat dan muat turun laporan pelupusan.	BERJAYA
2.	Pentadbir boleh melihat dan muat turun laporan sukarelawan berdaftar.	Pentadbir berjaya melihat dan muat turun laporan sukarelawan berdaftar.	BERJAYA
3.	Pentadbir boleh melihat dan muat turun laporan pusat berdaftar.	Pentadbir berjaya melihat dan muat turun laporan pusat berdaftar.	BERJAYA
4.	Pusat boleh melihat dan muat turun laporan sukarelawan berdaftar di bawah pusat mereka.	Pusat berjaya melihat dan muat turun laporan sukarelawan berdaftar.	BERJAYA
5.	Pusat boleh melihat dan muat turun laporan pelupusan.	Pusat berjaya melihat dan muat turun laporan pelupusan.	BERJAYA

### 4.3 Pengujian Penerimaan Pengguna

Proses pengujian sistem I-Care2u ini dilakukan bersama pihak bekepentingan iaitu pegawai daripada Unit Penyelidikan Agama Islam Johor Daerah Muar. Pengujian ini di lakukan di bahagian pentadbir dan pusat pelupusan sistem. Proses demonstrasi sistem kepada pegawai di lakukan dengan menjelaskan aliran proses sistem I-Care2u ini berjalan daripada proses pencarian pusat pelupusan berdaftar, permohonan pelupusan, pengesahan permohonan lupus serta proses pengutipan bahan pelupusan Al-Quran tersebut. Setelah proses demonstrasi kepada pegawai, borang penilaian dan pengujian di berikan kepada pegawai tersebut bagi proses penilaian berkenaan sistem yang dibangunkan. Hasil daripada penilaian ini, skala penilaian yang di berikan ialah 4 dan 5. Skala yang di tetapkan di dalam borang penilaian ialah daripada skala 1 iaitu "Sangat Sukar" hingga 5 iaitu "Sangat Mudah". Lampiran C merupakan hasil borang penilaian yang di isi oleh pegawai tersebut berkenaan sistem yang diuji. Terdapat ulasan yang di berikan berkenaan sistem iaitu antaramuka sistem mudah di fahami namun perlu penambahbaikan dari segi pengurusan jadual pengutipan.

### 5. Kesimpulan

Kesimpulan daripada pembangunan projek ini ialah dapat dilihat hasil daripada pembangunan ini dapat membawa impak yang besar kepada komuniti sekitar tentang pentingnya ilmu pengetahuan berkenaan cara dan proses pelupusan Al-Quran dengan betul dan mengikut piawaian yang telah di tetapkan oleh Pejabat Agama Islam Malaysia. Kesucian agama Islam serta ayat suci Al-Quran dapat di jaga dengan sebaik-baiknya dan secara tidak langsung memperkenalkan serta menaikkan martabat agama Islam di mata masyarakat dan penganut lain bahawa Islam sangat mementingkan adab dan kesucian agama. Terdapat beberapa kelebihan dan kekurangan yang di perolehi di dalam Sistem Pelupusan Al-Quran dan Kitab Agama Lama (I-Care2U) ini iaitu setiap kelebihan yang di perolehi membuatkan sistem ini sebagai satu batu loncatan kepada masyarakat untuk menggunakan sistem ini bagi dijadikan tempat rujukan dan carian untuk melupuskan Al-Quran. Kekurangan yang di perolehi oleh projek ini membolehkan proses perancangan penambahbaikan bagi masa akan datang dibuat. Diharapkan dengan pembangunan sistem

ini dapat memberi manfaat yang besar kepada masyarakat serta agama Islam serta menjadi salah satu saham untuk dibawa ke akhirat nanti.


### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongannya dan dorongan sepanjang proses menjalankan kajian ini.


### **Rujukan**

- [1] S. N. Hidayah, "Kaedah Pelupusan Teks atau Bahan Al Quran Mengikut Syarak," 15 Mei 2017. [Online]. Available: <https://www.slideshare.net/HidayahJawi/kaedah-pelupusan-teks-atau-bahan-al-quran-mengikut-syarak>.
- [2] I. Global, "What is Web-Based Systems," 2023. [Online]. Available: <https://www.igi-global.com/dictionary/web-based-systems/32428>.
- [3] RecycleNow, "RecycleNow," 2022. [Online]. Available: <https://www.recyclenow.com/>.
- [4] Earth911, "Earth911," 2022. [Online]. Available: <https://earth911.com/>.
- [5] UTM, "SISTEM UTM CPS. UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM).," UTM, Malaysia, 2019.
- [6] C. Adams, "What is a Context Diagram and what are the benefits of creating one?," December 2020. [Online]. Available: <https://www.modernanalyst.com/Careers/InterviewQuestions/tabid/128/ID/1433/What-is-a-Context-Diagram-and-what-are-the-benefits-of-creating-one.aspx>.
- [7] Medallia, "8 Stats You Need to Know About Mobile Apps in 2021," 17 December 2020. [Online]. Available: [https://www.medallia.com/blog/8-stats-you-need-to-know-about-mobile-apps-in-2021/?utm\\_campaign=decibelmerger#:~:text=Mobile%20App%20Downloads%20are%20Expected%20to%20Increase%20by%2045%25&text=By%202021%2C%20it's%20expected%20that,consumer%20app%20spend%2](https://www.medallia.com/blog/8-stats-you-need-to-know-about-mobile-apps-in-2021/?utm_campaign=decibelmerger#:~:text=Mobile%20App%20Downloads%20are%20Expected%20to%20Increase%20by%2045%25&text=By%202021%2C%20it's%20expected%20that,consumer%20app%20spend%2).

LAMPIRAN A



LAMPIRAN B



**LAMPIRAN C**

BORANG KAJI SELIDIK

2023

**PENGUJIAN DAN PENILAIAN SISTEM**

\*Sila  di kotak yang di sediakan. Penilaian berdasarkan skala 1 hingga 5, dengan 1 bermaksud sangat sukar dan 5 bermaksud sangat mudah, bagaimana anda menilai proses sistem yang di bangunakan?

Pilihan jawapan:

- 1 - Sangat sukar
- 2 - Sukar
- 3 - Neutral
- 4 - Mudah
- 5 - Sangat mudah

**BAHAGIAN A : PENTADBIR**

Aspek Penilaian	1	2	3	4	5
Sistem boleh melihat senarai pusat pelupusan yang berdaftar di bawah I-Care2u.					/
Sistem boleh mengesahkan permohonan pusat baru dan melihat maklumat permohonan.					/
Sistem boleh menjana laporan berkenaan pusat pelupusan serta memuat turun dokumen.				/	
Sistem boleh menjana laporan berkenaan berat pelupusan Al-Quran serta memuat turun dokumen.					/
Sistem boleh melihat, kemaskini, memadam dan menambah data baharu.					/
Sistem boleh membuat hebahan kepada semua pengguna.					/
Antara muka sistem mudah di fahami dan jelas fungsinya.					/

**BAHAGIAN B : PUSAT PELUPUSAN**

Aspek Penilaian	1	2	3	4	5
Sistem boleh mengemaskini maklumat pusat.					/
Sistem boleh melihat dan mengesahkan maklumat permohonan pelupusan.					/
Sistem boleh menjana laporan berkenaan jumlah berat pelupusan yang telah selesai di kutip.					/
Sistem boleh memaparkan senarai sukarelawan berdaftar di bawah pusat.					/
Sistem boleh menjana jadual pengutipan berdasarkan permohonan yang dibuat.				/	
Sistem boleh melihat, kemaskini, memadam dan menambah data baharu.					/
Antara muka sistem mudah di fahami dan jelas fungsinya.					/

**BAHAGIAN C : HASIL DAN ULASAN**

Sistem ini memerlukan penambakan?

- Ya
- Tidak
- Tidak Pasti

Ulasan/Komen anda:

*Antar muka sistem semua mudah difahami, tapi jumlah pergarusan boleh diperbaiki. Semoga maju jaya.*

Jutaan Terima Kasih

Kerana sudi menjawab borang pengujian dan penilaian ke atas

**SISTEM PELUPUSAN AL-QURAN DAN KITAB AGAMA LAMA (I-CARE2U)**

<b>TANDA TANGAN</b>	<i>[Signature]</i>
<b>JAWATAN</b>	<i>Pengarah: Unit Penyelidikan</i>